

Pengenalan Terhadap Kitab Tafsīr al-Jalālayn

OTHMAN BIN MUHAMED
Jabatan Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

PENDAHULUAN

Terdapat banyak kitab yang ditulis dalam bidang tafsir sejak abad ketiga hijrah dan kitab-kitab ini ditulis dalam berbagai aliran; ianya terdapat di perpustakaan sama ada di dalam atau di luar negeri. Di antara kitab tafsir yang masyhur dan terkenal di dunia Islam ialah kitab *Tafsīr al-Jalālayn*.

Oleh kerana kitab ini tersebar luas di dunia Islam, penulis merasakan perlu ianya diperkenalkan secara terperinci mengenai latar belakang pengarang, metod tafsiran dan isi kandungannya, supaya generasi umat Islam sekarang ini dapat mengetahui lebih dekat tentang tokoh-tokoh ilmuan pada zaman silam. Kitab ini ditulis dalam bahasa Arab oleh dua orang tokoh ulama terkemuka dan terkenal dalam bidang tafsir iaitu Imam Jalāl al-Dīn Muḥammad al-Maḥalli dan Imam Jalāl al-Dīn Abdul Ṭahā al-Suyūṭī.

LATAR BELAKANG PENGARANG

JALĀL AL-DĪN AL-MAHALLI

Nama lengkapnya ialah Jalāl al-Dīn Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Ibrāhīm al-Maḥalli al-Shāfi'i.¹ Beliau dilahirkan di Mesir pada tahun 791 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 864 Hijrah.²

Kepintarannya dalam memahami ilmu pengetahuan menggumkan masyarakat pada ketika itu, di mana beliau mempunyai kemahiran dan kecemerlangan dalam berbagai bidang ilmu, di antaranya ilmu fiqh, ilmu kalam, ilmu usul, nahu, mantik dan sebagainya. Beliau juga pernah berguru kepada beberapa ulama, antaranya al-Badr Mahmud al-Aqsarā'i, al-Burhan al-Baijuri, al-Shamshūr al-Basāti, al-³Alā' al-Bukhari dan lain-lain.

Beliau juga terkenal sebagai seorang yang warak dan bertakwa, di samping berdakwah menyeru kepada ma'ruf dan menegah dari kemungkaran. Beliau seorang yang bersifat tegas dalam menegak

kebenaran tanpa menghiraukan cacian dan celaan daripada orang lain. Pernah pada suatu ketika beliau menghadapi pemerintah yang zalim, di mana pihak pemerintah menghantar wakil untuk menemuinya, tetapi dengan tegas beliau tidak membenarkan mereka masuk ke rumahnya. Mengenai jawatan dalam Kerajaan beliau pernah ditawarkan untuk memegang jawatan sebagai Hakim Besar Syar'i, tetapi beliau menolak jawatan tersebut.

Dalam bidang penulisan beliau telah banyak menghasilkan karya-karya yang bermutu, yang mendapat sambutan hangat di kalangan masyarakat Islam, kerana karyanya mudah difahami, isi kandungan yang bernas, ringkas, dan tidak membosankan. Hasil tulisan beliau di antaranya kitab *Sharh Jam' al-Jawāmi' Fi al-Uṣūl*, *Sharh al-Manhaj Fi al-Fiqh* dan *Sharh Burdah al-Madīh*.³

JALĀL AL-DĪN AL-SUYŪṬI

Nama lengkapnya ialah al-Hafiz Jalāl al-Dīn Abu al-Fadl Abdul Rahman Ibn Abu Bakar Ibn Muhammad al-Suyūṭi al-Shafi'i. Beliau dilahirkan pada tahun 849 Hijrah di negeri Mesir.

Di dalam bidang ilmu pengetahuan, beliau memiliki keistimewaan yang luar biasa, di mana beliau telah khatam al-Quran ketika usianya lapan tahun dan juga banyak menghafal matan-matan ilmu serta berguru kepada ulama-ulama yang terkenal. Mengikut al-Daudi,⁴ jumlah guru imam Jalāl al-Dīn al-Suyūṭi ialah 51 orang. Sepanjang hayatnya beliau telah menghasilkan lebih daripada lima ratus buah karya di mana kebanyakannya tersebut mendapat sambutan di kalangan umat Islam sama ada di Timur atau di Barat.⁵

Selain dari itu, beliau juga seorang yang paling alim dalam bidang hadis jika dibandingkan dengan ulama-ulama yang semasa dengannya. Beliau mempunyai kefahaman yang mendalam mengenai hadis, sama ada dari segi matan, sanad atau dari segi mengistinbatkan hukum-hukum yang terkandung di dalamnya. Jalāl al-Dīn al-Suyūṭi telah menghafal sebanyak dua ratus ribu hadis dan beliau pernah berkata, "Kalau aku mendapati hadis lebih daripada bilangan tersebut nescaya aku menghafalkannya lagi."

Semasa usianya menjangkau empat puluh tahun beliau mengambil keputusan untuk menumpukan ibadat sepenuhnya kepada Allah (s.w.t.) serta mengasingkan diri daripada kesibukan dunia dan meninggalkan segala kegiatan yang pernah dilakukan sebelum ini seperti mengajar, memberi fatwa dan sebagainya. Beliau hanya menetap di rumahnya sahaja di samping mengarang beberapa buah kitab, sehingga meninggal dunia pada malam Jumaat, bulan Jamadil Ula tahun 911 Hijrah.⁶ Tarikh kematian ini berbeza dengan tarikh kematianya yang dicatat dalam kitab, *Al-Futuhat al-Ilahiyyah* di mana tarikh kematian Imam Jalāl al-Dīn al-

Suyuti dikatakan pada tahun 913 Hijrah.⁷

Ketika mengarang kitab *Tafsir al-Jalālayn* Imam al-Suyūtī hanya baru berusia 21 tahun. Dalam tempoh empat puluh hari sahaja beliau dapat menyiapkan *Tafsir al-Jalālayn* iaitu bermula pada hari Rabu 1 Ramadhan 870 hijrah dan siap pada 10 Syawal 870 hijrah. Kitab tafsir ini merupakan kitab yang ulung baginya dan memulakan tafsirannya setelah enam tahun Imam al-Mahallī meninggal dunia.⁸

AYAT YANG DITAFSIRKAN

Kalau kita katakan bahawa kitab *Tafsir al-Jalālayn* ditarik oleh dua orang ulama tersebut maka perlu pula diketahui bahagian manakah daripada ayat-ayat al-Qur'an yang ditafsirkan oleh Imam Jalal al-Din al-Mahallī dan bahagian mana pula ditafsirkan oleh Jalal al-Din al-Suyūtī.

Kenyataan Imam al-Suyūtī di dalam mukaddimah *Tafsir al-Jalālayn* menunjukkan bahawa beliau telah menyambungkan tafsiran tersebut bermula dari surah al-Baqarah hingga ke akhir surah al-Isrā'. Di antara isi kandungan mukaddimahnya adalah seperti berikut:

Ini membayangkan keinginan pencinta-pencinta ilmu supaya disempurnakan tafsiran yang telah ditulis oleh Imam Jalal al-Din al-Mahallī dan supaya disambungkan tafsiran tersebut dari surah al-Baqarah hingga surah al-Isrā'.⁹

Setelah selesai mentafsir surah al-Isrā', Imam Suyūtī terus mengatakan:

"هذا آخر ما كملت به تفسير القرآن الكريم الذي
ألفه الشيخ الإمام العالم العلامة المحقق جلال الدين
المحلبي الشافعى رضى الله عنه . وقد افرغت فيه جهدي
وبذلت فكري فى نفائس ارها ان شاء الله تجرى وألفته
فى مدة قدر ميعاد الكليم".

Ertinya:

Tafsiranku hanya berakhir di sini, sebagai menyempurnakan tafsiran yang telah ditulis oleh Imam Jalal al-Din al-Mahallī al-Shafī'i. Segala tenaga dan fikiranku tertumpu kepada usaha untuk menyempurnakan tafsiran ini dalam bentuk yang indah dan bermanfaat - Insyaallah dan aku telah selesaikan karangan tafsir ini dalam tempoh empat puluh hari.¹⁰

Dua kenyataan Imam al-Suyuti di atas menunjukkan bahawa Imam al-Mahallī tidak mentafsirkan ayat-ayat surah al-Baqarah

hingga ke surah al-Isrā', bahkan ianya ditafsirkan oleh Imam al-Suyuti sendiri. Masalah ini akan menjadi lebih jelas lagi kalau dilihat kepada kenyataan Dr. Muhammad Ḥasan al-Khaṭīb seperti berikut:

Imam Jalal al-Din al-Mahalli memulakan tafsirannya dari surah al-Kahf hingga akhir surah al-Nas, kemudian ditafsirkan pula surah al-Fatiḥah dan beliau meninggal dunia sebelum sempat mentafsirkan semua al-Quran. Selepas itu Imam al-Suyuti pula mentafsir surah-surah yang tidak ditafsirkan oleh Imam al-Mahalli dan beliau memulakan tafsiran tersebut dari surah al-Baqarah hingga ke surah al-Isra' menurut cara tafsiran yang dilakukan oleh Imam al-Mahalli.¹¹

Pengarang kitab *Kashfu al-Zunun* (كشف الظنون) mendakwa bahawa Imam al-Mahalli tidak mentafsir surah al-Fatiḥah bahkan ianya ditafsirkan oleh Imam al-Suyuti.¹²

Pada zahirnya dakwaan tersebut tidak benar kerana ianya bercanggah dengan kenyataan al-Shaykh Sulaiman al-Jamal di dalam Hashiyahnya:

وأما الفاتحة ففسرها المحملي، فجعلها السيوطي في
آخر تفسير المحملي لتكون منضمة لتفسيره، وابتدأه ومن
أول سورة البقرة.

Surah al-Fatiḥah ditafsirkan oleh Imam al-Mahalli manakala Imam al-Suyūti pula meletakkan surah tersebut di akhir tafsir al-Mahalli supaya tersusun bersamanya. Di samping itu juga al-Suyūti sendiri memulakan tafsirannya dari awal surah al-Baqarah.¹³

Sehubungan dengan ini, al-Shaykh Sulaiman al-Jamal menegaskan lagi di dalam kitabnya:

Bahawa Imam Jalāl al-Dīn al-Mahalli telahpun mula mentafsirkan separuh yang pertama daripada al-Quran iaitu beliau memula dengan mentafsir surah al-Fatiḥah sehingga selesai. Selepas itu beliau meninggal dunia sebelum sempat mentafsir surah al-Baqarah.¹⁴

Berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan al-Shaykh Sulaiman di atas didapati bahawa kitab *Tafsīr al-Jalalayn* amat berbeza dengan kitab-kitab tafsir yang lain, di mana pada kitab *Tafsīr al-Jalalayn* diletakkan tafsiran surah al-Fatiḥah di akhir kitab. Sebaliknya pada kitab-kitab tafsir lain diletakkan tafsiran surah al-Fatiḥah di awal kitab. Hal ini dilakukan supaya segala tafsiran yang dibuat oleh Imam al-Mahalli dihimpun bersama iaitu bermula dari surah al-Kahf hingga ke surah al-Nas dan seterusnya surah al-Fatiḥah.

CARA TAFSIRAN

Pada mulanya kitab tafsir ini dikarang oleh Imam Jalāl al-Dīn al-Mahalli dengan ibarat yang ringkas, padat serta susunan yang indah

dan menarik. Selepasnya Imam al-Suyūti juga mengikut cara tafsiran yang dilakukan oleh Imam al-Māḥalli di mana ianya tertumpu kepada ciri-ciri berikut:

Menjelaskan mana yang dapat difahami Kalam Allah, memilih pendapat yang kuat, mengikrabkan kalimah-kalimah yang perlu kepada penjelasan ikrab, menjelaskan qiraat-qiraat yang masyhur, ianya dikemukakan dengan cara ibarat yang ringkas, tanpa membawa pendapat-pendapat yang lemah dan ikrab-ikrab yang panjang yang sepatutnya dibincangkan di dalam kitab-kitab lughah C'arabiyyah.¹⁶

Maksudnya Imam al-Jalalayn menjelas dan menghuraikan makna kalimah-kalimah dalam ayat al-Quran tanpa membuat ulasan panjang, bahkan memadai dengan ulasan ringkas dan padat serta dapat difahami. Di sini dikemukakan contoh tafsiran yang dilakukan oleh Imam al-Jalalayn terhadap beberapa ayat di awal surah al-Baqarah. Firman Allah:

" الْمَذِكُورُ لِمَنْ يَرِدُ فِيهِ هُدًى لِلْمُتَّقِينَ . الَّذِينَ
يَوْمَنُونَ بِالْغَيْبِ وَيَقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمَا رَزَقْنَاهُمْ يَنفَقُونَ .
وَالَّذِينَ يَوْمَنُونَ بِمَا أَنْزَلَ إِلَيْكُمْ وَمَا أَنْزَلَ مِنْ قَبْلِكُمْ
وَبِالآخِرَةِ هُمْ يَوْقُنُونَ أَوْلَئِكَ عَلَى هُدَىٰ مِنْ رَبِّهِمْ وَأَوْلَئِكَ
هُمُ الْمُفْلِحُونَ . "

(الْمَذِكُورُ لِمَنْ يَرِدُ فِيهِ هُدًى بِذَلِكَ

(ذَلِكَ) اِي هَذَا

(الْكِتَابُ الَّذِي يَقْرُئُهُ مُحَمَّدٌ

(لَا رَيْبُ فِيهِ) اِي لَا شَكُ فِيهِ

(هُدًى) هَادِ

(الْمُتَّقِينَ) الصَّائِرُونَ إِلَى التَّقْوَىٰ بِأَمْتَشَالِ الْأَوْامِمِ

وَاجْتِنَابِ النَّوَاهِي لَا تَقَاءُهُمْ بِذَلِكَ النَّارِ .

(يَوْمَنُونَ) يَصْدِقُونَ

(بِالْغَيْبِ) بِمَا غَابُ عَنْهُمْ مِنَ الْبَعْثِ وَالجَنَّةِ وَالنَّارِ

(ويقيمون الصلاة) ويؤتون بها بحقوقها
 (ومما رزقناهم) اعطيناهم
 (يُنفِقُونَ) اي ينفقون في طاعة الله
 (بما انزل اليك) القرآن
 (وما انزل من قبلك) التوراة والانجيل وغيرهما
 (يُوقِنُونَ) يعلمون
 (اولئك) الموصوفون بما ذكر
 (المفلحون) الفائزون بالجنة الناجون من النار

Ini sebagai contoh tafsiran yang terdapat di dalam kitab *Tafsir al-Jalalayn*, di mana huraiannya terhadap satu-satu kalimah adalah ringkas jika dibandingkan dengan kitab-kitab tafsir lain. Umpamanya kalimah (الكتاب) di dalam ayat tersebut, Imam al-Jalalayn mengatakan (الكتاب الذي يقرؤه محمد) yang ertiannya ‘Kitab yang dibaca oleh Muhammad.’ Oleh itu pembaca dapat memahami bahawa dikehendaki dengan *al-Kitab* ialah *al-Quran*. Tetapi bagi kebanyakan pengarang tafsir lain mereka membuat tafsiran panjang terhadap satu-satu kalimah. Umpamanya kalimah (الكتاب) tersebut, setengah ulama mengatakan

(الكتاب الذي يقرؤه محمد لا الذي يقرؤه غيره من الأنبياء كالتوراة والإنجيل)

Ada setengah ulama pula mengatakan:

"وذلك الذي نزل على محمد هو الكتاب الكامل في كل ما يتعلق به من معنى شريف وقد نبيل وقصص فيه عبرة وعظة وتشريع صالح لكل زمان ومكان. كتاب هذا حاله لا ينبغي من العاقل ان يشك في انه من عند الله."

Sekiranya terdapat sesuatu masalah yang berlaku bersalahan pendapat di kalangan ulama maka Imam al-Jalalayn hanya memilih pendapat yang lebih kuat sahaja. (ارجع الأقوال). Misalnya ialah tafsiran mengenai huruf *al-Muqatta'ah* di permulaan surah seperti

dan lain-lain, Imam al-Jalalayn hanya dengan mengatakan (الله اعلم بمراده بذلك) Menurut Shaykh al-Jamal¹⁹ (اشار بهذا الى ارجح الاقوال) ertiannya tafsiran Imam al-Jalalayn mengenai huruf *al-Muqatṭa'ah* merupakan pendapat yang paling rājiḥ kerana ianya sebagai pegangan ahli Salaf. Sebaliknya Imam al-Jalalayn tidak membawa pendapat-pendapat lain yang dikira daif atau lemah.

PERBEZAAN

Bagi mereka yang membaca kitab *Tafsīr al-Jalalayn* mungkin dapat mengesan perbezaan tafsiran di antara dua pengarang tersebut, kecuali pada beberapa tempat sahaja. Menurut Imam al-Suyūti ianya tidak sampai sepuluh tempat.²⁰

Di antara tempat-tempat tafsiran yang berbeza di antara keduanya ialah tafsiran terhadap ayat (الصابئين) dalam surah al-Haj. Firman Allah:

ان الذين آمنوا والذين هادوا والصابئين والنصارى
والمجوس والذين اشركوا ان الله يفصل بينهم يوم
القيمة .

Menurut Imam al-Mahalli (الصابئين) ialah satu kumpulan orang-orang Yahudi طائفة من اليهود. Manakala Imam al-Suyuti pula berpendapat bahawa *al-Sabiin* ialah kumpulan orang-orang Yahudi atau Nasara. Ini dapat dilihat dalam tafsirannya mengenai sepotong ayat dalam surah al-Baqarah iaitu firman Allah:

ان الذين آمنوا والذين هادوا والنصارى والصابئين
من آمن بالله واليوم الآخر وعمل صالحًا فلهم أجرهم عند
ربهم ولا خوف عليهم ولا هم يحزنون .

Menurut Imam al-Suyūti makna kalimah "الصابئين" di dalam ayat di atas ialah 'di طائفة من اليهود او النصارى او الصابئين' di tambah perkataan "أو النصارى" sedangkan ianya tidak terdapat di dalam tafsiran Imam al-Mahalli.

Berdasarkan kepada kenyataan Imam al-Suyūti sendiri maka kita dapat bahawa perbezaan tafsiran yang wujud di antara dua pengarang tersebut adalah sedikit sahaja.

KITAB YANG MASYHUR

Beberapa orang ulama tafsir telah mengakui bahawa *Tafsīr al-Jalālayn* adalah merupakan sebuah kitab tafsir yang tersebar luas di

kalangan umat Islam. Walaupun cara tafsirannya ringkas tetapi mempunyai isi kandungan yang bermutu dan bernilai sehingga menjadi satu keperluan bagi mereka yang mengkaji ilmu tafsir.²³

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan, didapati kebanyakan institusi pengajian Islam di Semenanjung Malaysia menggunakan kitab *Tafsīr al-Jalālayn* sebagai buku teks atau sebagai buku rujukan mereka dalam bidang tafsir. Contohnya seperti Sekolah Agama Rakyat Penanti Pulau Pinang, Sekolah Agama Sungai Bakap Pulau Pinang, Sekolah Agama Pokok Sena Pulau Pinang, Sekolah Agama Bukit Mertajam dan lain-lain.²⁴ Ini membuktikan kitab Tafsir tersebut bukan sahaja terkenal di dunia Islam lain bahkan di negara kita Malaysia.

Menurut Shaykh Abdul Azim: Kitab *Tafsīr al-Jalālayn* telah dicetak beberapa kali dalam berbagai bentuk dan saiz. Ianya seperti berikut:

- 1/ Cetakan tunggal.²⁵
- 2/ *Tafsīr al-Jalālayn* yang dikembarkan bersama dengan mashaf al-Quran.
- 3/ *Tafsīr al-Jalālayn* yang disertai dengan ulasan *Hashiyah al-Sawi*.
- 4/ *Tafsīr al-Jalālayn* yang disertai dengan ulasan *Hashiyah al-Jamal*.²⁷

CATATAN

1. Al-Mahalli maksudnya berasal dari {المحلة الكسرى} iaitu salah satu daerah di negeri Mesir.
2. Ahmad bin Muhammad al-Sawi, *Hashiyah al-Sawi* (al-Qahirah: Matba'ah Mustafā al-Halabi 1941) Juzuk 1, h. 4.
3. Abu al-Fallāh Abdūl al-Hayy bin al-Imād *Shadharāt al-Dhahab* (al-Qahirah: Maktabah al-Qudsi 1351 H) Juzuk 7, h. 303; Shams al-Dīn Muhammād bin 'Alī bin Ahmad, *Tabaqāt al-Mufassirīn* (al-Qahirah: Maktabah Wahbah 1972 M) Jilid 2, h. 80.
4. Al-Daūdī ialah salah seorang murid kepada Imām Jalāl al-Dīn al-Suyūtī.
5. Sebahagian daripada karya-karya tersebut masih boleh dilihat oleh umat Islam sekarang ini.
6. Abu al-Fallāh Abdūl al-Hayy bin al-Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, Juzuk 8, h. 51.
7. Sulaimān bin 'Umar al-Jamal, *al-Futuḥāt al-Ilāhiyyah*, (al-Qahirah: Matba'ah Mustafā al-Halabi 1959) Jilid 1, h. 7.
8. Ibid., Jilid 1, h. 7.
9. Jalāl al-Dīn Muhammād bin Ahmad al-Mahalli dan Jalāl al-Dīn Abdūl Rahmān bin Bakr al-Suyūtī, *Tafsīr al-Qurān al-Āzīm*, (al-Qahirah: Matba'ah Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah) Juzuk 1, h. 2.
10. Ibid., Juzuk 1, h. 237.
11. Dr. Muhammād Ijāj al-Khatib, *Lamāhāt Fi al-Maktabah Wa al-Maṣādir* (Beirut, 1975 H.) h. 142.
12. Mustafā bin Abdullāh, *Kashfū al-Zunūn*, (Matba'ah al-Bahiyyah, 1941 M) Jld. 1, h. 445.

13. Sulaiman bin ^cUmar al-Jamal, *al-Futūhāt al-Ilāhiyyah*, (al-Qahirah: Matba ^cah Mustafa al-Halabi 1959 M) Jilid I, h. 7.
14. Ibid., Jilid 4, h. 626.
15. Jalāl al-Dīn al-Mahallī dan Jalāl al-Dīn al-Suyūti, *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm*, Juzuk I, h. 2.
16. Sulaiman bin ^cUmar al-Jamal, *al-Futūhāt al-Ilāhiyyah*, Jilid I, h. 11.
17. Muhammad Mahmud Hijazi, *al-Tafsīr al-Wadīh* (al-Qahirah: Matba ^cah Dar al-Kitab al-^cArabi, 1960) Juzuk I, h. 11.
18. Sulaiman bin ^cUmar al-Jamal, *al-Futūhāt al-Ilāhiyyah*, Jilid I, h. 10.
19. Jalāl al-Dīn al-Mahallī dan Jalāl al-Dīn al-Suyūti, *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm*, Juzuk I, h. 238.
20. Surah al-Haj: ayat 17.
21. Jalāl al-Dīn al-Mahallī dan Jalāl al-Dīn al-Suyūti, *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm*, Juzuk 2, h. 38.
22. Surah al-Baqarah: ayat 62.
23. Dr. Muhammad Husayn al-Dahabi, *al-Tafsīr Wa al-Mufassirūn*, (Matba ^cah al-Sa ^cadah) Jilid I, h. 337. Shaykh Abdul ^cAzim al-Zarqani, *Mañāhil al-‘Irfān Fi ‘Ulūm al-Qurān*, (Dar Ihya’ al-Kutub al-^cArabiah) Jilid I, h. 534.
24. Kajian yang dijalankan oleh penulis pada sesi 1983/84 mengenai (Pengajian Tafsir Selepas Merdeka: Satu Kajian di Sekolah-sekolah Agama Rakyat Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang).
25. Maksudnya: Dicetak Tafsir al-Jalalayn tanpa disertai dengan sebarang ulasan daripada penulis-penulis lain.
26. Shaykh Abdul ^cAzim al-Zarqani, *Mañāhil al-‘Irfān Fi ‘Ulūm al-Qurān*, Jilid I, h. 535.

